

24.10.2023  
Siaran Media

**IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

**EMPANGAN MENGKUANG: TIADA YANG SALAH, PULAU PINANG TUNGGU PROJEK PEMBESARAN SIAP SEPENUHNYA**

- **Tiada masalah dengan usia empangan, simpanan, kelodak atau struktur sehingga kini.**
- **Kerajaan Persekutuan menyerahkan semula EMD kepada Pulau Pinang pada Oktober 2020.**
- **Pulau Pinang sedang menantikan projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) siap sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan.**

PULAU PINANG, Selasa, 24.10.2023: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) ingin menjelaskan bahawa Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan (EMD) 86.4 bilion liter yang merupakan empangan terbesar Pulau Pinang adalah dalam keadaan baik.

Malah, kita tidak sabar-sabar menantikan siap sepenuhnya Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) bernilai RM1.2 bilion oleh Kerajaan Persekutuan. Fasa-fasa MDEP berikut masih belum selesai:

Fasa-fasa yang belum selesai:		
1.	Fasa 2B	Pemasangan saluran paip untuk menaik taraf kapasiti pelepasan kepada 600 juta liter sehari (JLH).
2.	Fasa 2C	Pembinaan rumah pam 440 JLH baharu di Sungai Muda untuk membolehkan pengisian semula EMD yang cekap ketika musim hujan.
3.	Baraj Sungai Muda yang baharu	Untuk menyokong pengabstrakan tambahan air mentah dari sungai ketika musim hujan untuk mengisi semula EMD.

Pada 23.10.2023, beberapa media massa melaporkan bahawa Empangan Mengkuang adalah salah satu daripada 7 “empangan berisiko tinggi” di Malaysia, menurut Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

PBAPP tidak boleh mengulas mengenai 6 empangan lain yang dinyatakan dalam laporan berita. Walau bagaimanapun, kami boleh menunjukkan bahawa EMD sememangnya bukan empangan yang berisiko tinggi.

### **Baru berusia 3 tahun dan telah membuktikan ia berbaloi kepada Pulau Pinang**

EMD telah diserahkan semula kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada Oktober 2020, kira-kira 3 tahun lalu, selepas kapasiti simpanan maksimumnya dipertingkatkan daripada 22 bilion liter kepada 86.4 bilion liter.

EMD telah lebih daripada membuktikan ia bernilai kepada Pulau Pinang pada tahun 2022 dan 2023 apabila rizab air mentahnya telah dilepaskan ketika respons kecemasan PBAPP terhadap 3 gangguan bekalan air tidak berjadual besar yang berlaku, berikutan 3 kejadian di Kedah:

- Insiden “Air Bah Baling 1” pada Julai 2022;
- Insiden “Penurunan Mendadak Paras Sungai Muda” pada Mei 2023; dan
- Insiden “Air Bah Baling 2” pada September 2023.

Tanpa EMD, kesan insiden ini akan menjadi lebih gawat bagi majoriti pengguna air Pulau Pinang. Lebih-lebih lagi, jangka masa untuk memulihkan perkhidmatan bekalan air selepas kejadian ini akan mengambil masa lebih lama.

Oleh itu, keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menerima semula EMD pada September 2020, sebelum MDEP siap sepenuhnya, telah terbukti sebagai keputusan strategik yang betul.

### **Kapasiti pelepasan akan ditingkatkan daripada 300 JLH kepada 600 JLH pada tahun 2024**

“Isu utama” dengan EMD ialah kapasiti pelepasan maksimum terhad sebanyak 300 JLH.

Oleh yang demikian, EMD masih belum boleh “menyokong” sepenuhnya Sungai Muda sebagai sumber air mentah kecemasan untuk Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua. LRA Sungai Dua memerlukan kira-kira 1,100 JLH air mentah untuk menghasilkan air terawat yang mencukupi untuk 465,000 pengguna air di kawasan perkhidmatannya.

Penyelesaian Fasa 2B MDEP yang dijadualkan semula pada 2024 akan meningkatkan kapasiti pelepasan maksimum EMD kepada 600 JLH.

PBAPP bercadang untuk melaksanakan projek berasingan untuk memasang lebih banyak saluran paip untuk mempertingkatkan lagi kapasiti pelepasan maksimum MDEP kepada 1,000 JLH, bagi mengurangkan risiko gangguan bekalan air besar

berlaku lagi di Pulau Pinang jika “Insiden Sungai Muda” lain berlaku pada masa hadapan.

Sementara itu, kami juga memohon kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan untuk menyiapkan Fasa 2C MDEP dan baraj baharu di Sungai Muda. Kedua-dua komponen yang tercicir ini juga penting kerana EMD mesti diisi semula dengan air sebanyak mungkin dengan efisien pada setiap musim hujan untuk berfungsi sebagai sumber air mentah “gantian” untuk LRA Sungai Dua.

Kesimpulannya, saya ingin mengulangi bahawa EMD ketika ini terkawal dan berkeadaan baik. Empangan itu kini berfungsi sebagai rizab kemarau strategik untuk Pulau Pinang serta sumber air mentah kecemasan yang berguna yang mengurangkan impak kejadian yang terkait dengan Sungai Muda.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)